

MEMPUNYAI PERUNDANGAN

- Sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara
- Sistem perundangan penting untuk memelihara kesejahteraan , menjamin keadilan dan melindungi rakyat
- Asas kepada sistem perundangan negara kita berpandukan Perlembagaan Persekutuan
- Parlimen bertanggungjawab menggubal dan menentukan sistem perundangan negara kita

MEMPUNYAI RAKYAT

- Rakyat merupakan penduduk di sesebuah negara
- Rakyat terikat kepada undang undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah
- Rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam
- Mereka disatukan melalui satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama

RAJA PERLEMBAGAAN


Bermaksud pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan . Terdapat tiga Institusi Beraja yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu Yang di-Pertuan Agong pada peringkat Persekutuan , Institusi Beraja pada peringkat negeri dan Majlis-majlis Raja

DEMOKRASI BERPARLIMEN

Bermaksud demokrasi yang dijalankan secara perwakilan melalui proses pilihan raya

1.2 CIRI NEGARA YANG BERDAULAT

@icebearrawrr



Ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai pemerintahan, mempunyai sempadan, mempunyai perundangan, dan mempunyai rakyat yang menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang bebas dan berdaulat



MEMPUNYAI PEMERINTAHAN

- Pemerintahan negara berdaulat diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi
- Pemerintahan ini dijalankan secara teratur
- Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen
- Ketua utama negara ialah Yang di-Pertuan Agong
- Ketua kerajaan ialah Perdana Menteri yang dibantu oleh Jemaah Menteri

MEMPUNYAI SEMPADAN

- Sempadan merupakan garis pemisah antara negeri atau negara
- Malaysia merupakan negara yang berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran iaitu Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei
- Sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa, khususnya PBB
- Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan, pembangunan dan ekonomi negara kita

